

Keputusan peperiksaan UUM secara dalam talian, SMS

UUM 18/5/2005 11:3.

PELAJAR Universiti Utara Malaysia (UUM) boleh menyemak keputusan peperiksaan akhir semester kedua sesi 2004/2005 masing-masing secara talian terus dan sistem pesanan ringkas (SMS) mulai esok.

Semakan secara talian terus boleh dibuat menerusi Portal Komuniti e-Universiti di alamat <http://portal.uum.edu.my> yang beroperasi 24 jam.

Semakan keputusan menerusi SMS pula boleh dibuat menerusi rangkaian perkhidmatan telekomunikasi Maxis (012), Digi (016) dan Celcom (019,013) dengan caj sebanyak 60 sen untuk setiap maklum balas.

Pelajar boleh menyemak keputusan mereka dengan menghantar SMS ke



nombor 200338 bagi pengguna Celcom 019 dan 013 manakala yang lain ke nombor 32020.

Cara penggunaan SMS juga boleh diperolehi dari laman web UUM di alamat <http://www.uum.edu.my>.

UUM menyediakan kemudahan menyemak keputusan secara talian terus sejak 2001, manakala semakan menerusi SMS pula pada 2002.

Langkah itu adalah antara usaha pihak pengurusan universiti untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya kepada pelanggan di samping mempermudah pelajar mengetahui keputusan mereka dengan cepat sewaktu sedang bercuti.

Di samping itu, ia juga dapat mengatasi masalah pelajar lambat mengetahui keputusan, kehilangan slip atau bertukar alamat.